

# Hala tuju negara bukan perkara remeh

**MPN, BH anjur bicara akademik bincang isu berkaitan PRU-13**

**P**ersepsi pengundi khususnya pengundi muda berhubung siapa yang akan dipilih pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang akan berlangsung pada bila-bila masa dari sekarang akan menjadi penentu terhadap masa depan pentadbiran negara yang akan dibentuk kelak.

Justeru, rakyat perlu sedar dan bijak menilai sejauh mana pilihan yang akan mereka luahkan melalui undi pada PRU-13 nanti adalah pilihan tepat serta mampu meneruskan agenda pembangunan negara yang secara langsung meletakkan negara pada tahap yang sepatutnya.

Paling penting, pemilihan terhadap siapa yang akan dipilih nanti sama ada Barisan Nasional (BN) yang sudah lama diberi kepercayaan oleh rakyat atau pun pembangkang yang kini mendakwa sudah mula memenangi hati rakyat bukanlah sesuatu yang boleh dianggap remeh, malah jauh sekali dijadikan bahan uji kaji.

Untuk itu, penganjuran wacana ilmiah tertutup bertajuk 'Pra PRU-13: Siapa Jadi Pilihan?' anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) dan akhbar *Berita Harian* (BH) yang akan menghimpunkan ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seluruh negara bagi membicarakan isu berkaitan PRU-13 adalah langkah tepat membicarakan hala tuju pilihan raya secara akademik.

## Beri kesedaran

Pengerusi Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata wacana bersama itu bertujuan memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia bahawa PRU bukan wadah bagi rakyat memilih sesuatu yang remeh.

"Sebaliknya, keputusan mereka (rakyat) itu adalah untuk masa depan negara. Apa yang paling penting adalah isu hala tuju dan dasar negara terhadap pembangunan yang memanfaatkan rakyat sepatutnya diberikan pencerahan.

"Wacana ini perlu dilaksanakan secara ilmiah tanpa membabitkan mana-mana parti politik dalam membentuk pemikiran rakyat dan bukan disasarkan dari aspek politik kepartian semata-mata. Dalam hal ini, MPN akan bertindak dan

berperanan sebagai badan pemikir negara yang bebas dalam usaha menampankan Malaysia sebagai sebuah negara yang damai dan sejahtera," katanya.

Wacana yang dijadualkan berlangsung hari ini di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur, antara lain akan mengupas trend semasa sokongan dan keupayaan parti yang bertanding dalam mengekalkan kerusi di kawasan masing-masing.

Ia turut mengupas inti pati ucapan penggulungan Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika Perhimpunan Agung UMNO lalu.

Mohamed Mustafa berkata, wacana itu juga dapat membantu mencelikkan pemikiran rakyat terhadap senario politik semasa tanah air dalam menghadapi PRU-13.

Jelasnya lagi, isu yang paling penting untuk diketengahkan ialah hala tuju negara, ke arah mana negara akan dibawa selepas berakhirnya PRU-13 nanti kerana ia bukan isu yang boleh dipertandingkan dan dianggap remeh.

"Itulah sebabnya perlu ada satu penjelasan bahawa pilihan raya ini adalah medan penting untuk rakyat menentukan siapa yang patut dipilih bagi memastikan hala tuju negara terus jelas," katanya.

Wacana akan menghimpunkan beberapa tokoh akademik yang juga penganalisis politik tempatan, termasuk dari Sabah dan Sarawak yang banyak memberikan pandangan dalam pelbagai isu politik semasa tanah air.

Antara tokoh akademik yang dijangka memberi pandangan pada wacana sehari itu ialah Timbalan Pengerusi MPN, Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, yang juga Pengarah Institut Kajian Etnik, Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) dan bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang juga Profesor di Jabatan Komunikasi Kuliyyah Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Prof Datuk Dr Syed Arabi Idid yang banyak membuat kajian penyelidikan mengenai isu politik semasa juga dijangka mengambil bahagian.


Jemputan lain termasuk Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian dan Profesor Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Jayum Jawan.

Sementara itu, beberapa tokoh media tempatan, antaranya Pengerusi Media Prima Bhd, Datuk Johan Jaaffar, Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima, Datuk Ahmad A Talib akan bertindak sebagai moderator pada setiap sesi perbincangan.



**SHAARANI ISMAIL**

shaarani@bharian.com.my



Mohamed Mustafa Ishak



**LI TIONG I**

bhnews@bha.com